

## Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 31

Berikut ialah penyata kedudukan kewangan Peerniagaan Hamidi pada 1 April 2017:

<b>Perniagaan Hamidi</b> <b>Penyata kedudukan kewangan pada 1 April 2017</b>			
	<b>RM</b>		<b>RM</b>
Perabot	13,100	Modal	38,420
Alatan pejabat	8,500	Akaun belum bayar	1,250
Inventori	15,850	Bank	2,880
Akaun belum terima	4,210		
Tunai	890		
	42,550		42,550

Urus-urus niaga berikut telah berlaku dalam bulan April 2017:

- April 2 Membeli barang niaga secara kredit RM1,200.
- 4 Membayar belanja runcit sebanyak RM30 secara tunai.
- 6 Menjual barang niaga yang berkos RM820 pada harga jualan RM1,500 secara kredit.
- 11 Mengeluarkan barang naga bernilai RM250 untuk kegunaan keluarga pemilik
- 13 Membayar cek RM1,750 kepada seorang akaun belum bayar untuk menjelaskan hutang sebanyak RM1,800.
- 17 Menjual secara tunai barang berkos RM560 dengan harga RM900. Sebanyak RM200 disimpan untuk kegunaan pejabat dan bakinya dibankkan.
- 21 Menerima cek daripada seorang akaun belum terima bernilai RM2,328 selepas ditolak diskaun sebanyak 3%
- 25 Perabot dan alatan pejabat disusutnilaikan pada kadar 20% setahun.
- 27 Menjual sebuah mesin pencetak lama yang nilai bukunya RM160 dengan harga RM110 secara tunai
- 30 Bayar gaji pembantu kedai RM500 secara cek.

**Anda dikehendaki menyediakan penyata kedudukan kewangan Perniagaan Hamidi pada 30 April 2017 selepas mengambil kira semua urus niaga di atas.** Jadual kesan urus niaga terhadap komponen-komponen kunci kira-kira haruslah ditunjukkan secara berasingan.